

BAB I

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Akta Pendidikan 1996 telah menyatakan dengan jelas status bahasa Arab dalam sistem pendidikan di Malaysia adalah sebagai bahasa asing (Act 550, Education Act, 1996). Dinyatakan bahawa bahasa ini dan mana-mana bahasa yang dianggap sebagai bahasa asing boleh diadakan jika didapati munasabah dan praktik berbuat sedemikian. Berdasarkan pernyataan itu, pelaksanaan bahasa Arab sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah hanyalah bertaraf mata pelajaran tambahan bagi Bahasa Arab Komunikasi (BAK) dan mata pelajaran elektif bagi Bahasa Arab Tinggi (BAT) sebagaimana dinyatakan dalam “Peraturan-peraturan Pendidikan (Kurikulum Pendidikan) 1997 – Jadual 3, Jadual 8 dan Jadual 9” (JAPIM 2001). Namun bagi sekolah-sekolah aliran agama, iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), mata pelajaran bahasa Arab diwajibkan sama ada pada peringkat menengah rendah atau menengah atas.

Status bahasa Arab dalam Akta Pendidikan 1996 ini mengambil kira konteks masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Namun timbul reaksi beberapa pakar bahasa dan pendidik tentang kesesuaian bahasa ini disamatarafkan dengan bahasa asing yang lain. Ia berdasarkan kepada sejarah, pengaruh, penggunaan serta

kepentingan bahasa ini dalam kalangan masyarakat Melayu Islam khususnya (Kamarulzaman & Nik Mohd. Rahimi, 2004). Nik Mohd. Rahimi (2005) berpendapat dalam konteks masyarakat Malaysia ia mempunyai dua perspektif, iaitu sebagai bahasa asing jika dilihat dari perspektif masyarakat majmuk Malaysia dan sebagai bahasa kedua jika dilihat dari perspektif masyarakat Islam di Malaysia. Apa yang jelas bahasa ini bukan bahasa ibunda majoriti masyarakat majmuk di Malaysia. Namun pembelajarannya mendapat tempat yang baik dan meluas berbanding bahasa asing yang lain.

1.2 Pendidikan Bahasa Arab Di Malaysia

Salah satu bidang pelajaran yang ditawarkan dalam sistem pendidikan di Malaysia adalah mata pelajaran Bahasa Arab. Ia telah lama wujud dalam dunia pendidikan di rantau Melayu. Ia mula bertapak di Tanah Melayu bersama datangnya Islam (Marzūqī, 1977). Penggunaan kitab yang merupakan teks tetap dalam pembelajaran Bahasa Arab sudah lama menjadi amalan dalam kalangan masyarakat Islam. Menurut Osman Khalid (1993), pendidikan Islam telah diajar di institusi pondok dan madrasah-madrasah berpandukan kitab-kitab berbahasa Arab. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Kepulauan Melayu banyak dipengaruhi oleh domain agama, malahan dikatakan orang belajar bahasa Arab adalah juga belajar agama Islam (Abdullah, 1987).

Tajul Ariffin dan Nor'aini (1992) dalam menghuraikan aspek rohani yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan menyatakan maksud rohani itu adalah nilai-nilai murni, Pendidikan Islam (murid Muslim) dan Pendidikan Moral (murid bukan Muslim), manakala bahasa Arab pula merupakan sebahagian daripada

Pendidikan Islam. Sehingga kini bahasa Arab masih dianggap antara teras dalam disiplin ilmu Islam dan pembelajarannya masih berlaku malah terus berkembang dengan baik. Pelbagai bentuk kurikulum dan buku teks Bahasa Arab telah digunakan oleh institusi-institusi pendidikan Islam sekarang sama ada yang dikelola oleh kerajaan persekutuan, kerajaan negeri atau persendirian.

Kecenderungan masyarakat khususnya penduduk beragama Islam terhadap pembelajaran bahasa ini amat memberangsangkan. Ia terdorong oleh pelbagai faktor, antaranya agama Islam yang menggalakkan penganutnya menguasai bahasa ini serta kelebihan yang diletakkan oleh Islam ke atas bahasa ini. Selain itu faktor kesedaran untuk memahami dan menghayati Islam juga dapat dilihat melalui banyak amalan harian dalam kehidupan individu dan masyarakat Islam yang menggunakan teks Arab, malah sumber primer Islam yang utama berbahasa Arab adalah al-Quran dan Sunnah. Manakala kitab-kitab dalam pelbagai bidang ilmu Islam yang muktabar juga kebanyakannya berbahasa Arab. Faktor lain yang juga boleh diambil kira ialah keperluan berkomunikasi dalam pelbagai situasi dan keperluan semasa (Kamarulzaman, Zawawi, Nik Mohd Rahimi & Mohd Nasir, 2002).

1.2.1 Membaca dalam Konteks Pendidikan Bahasa Arab Di Malaysia

Memandangkan bahasa Arab bukanlah bahasa komunikasi pertuturan dalam kalangan masyarakat di Malaysia (Asmah, 1982), justeru ia lebih berfungsi untuk mendapatkan maklumat dan pengetahuan melalui bahan bacaan sama ada yang bercetak atau elektronik. Keperluan dan situasi yang sebenar dalam memmuridi bahasa ini dalam kalangan masyarakat di Malaysia dilihat lebih memerlukan tumpuan kepada kemahiran

membaca (Kamarulzaman & Nik Mohd. Rahimi, 2002). Namun ini tidak bermakna kemahiran-kemahiran bahasa yang lain tidak penting.

Membaca merupakan salah satu kemahiran bahasa yang penting untuk dikuasai sama ada dalam bahasa ibunda atau bahasa kedua atau asing. Tidak lengkap memmuridi sesuatu bahasa itu melainkan ia dapat menguasai kemahiran membaca bahasa yang dimuridi. Malah dalam konteks pembelajaran Bahasa Arab sebagai bahasa asing atau kedua di Malaysia, boleh dianggap kemahiran membaca adalah antara objektif utama yang perlu dikuasai memandangkan kemahiran-kemahiran lain kurang dapat dipraktikkan secara meluas (Nik Mohd Rahimi, 1999).

Kalau dahulu pendidikan asas menganggap seseorang itu perlu belajar untuk membaca tetapi sekarang membaca adalah perlu untuk belajar (Ibrāhīm, 1994). Membaca merupakan kemahiran penting dalam dunia pendidikan sekarang yang berorientasikan pembelajaran berpusatkan murid. Pelaksanaan konsep ini tidak akan berjaya sekiranya murid tidak aktif serta tidak mempunyai kemahiran yang sesuai dengan tahap pembelajarannya. Kemahiran dan kebolehan membaca yang baik amat diperlukan dalam menerapkan pembelajaran kendiri lebih-lebih lagi dalam pembelajaran bahasa Arab pada peringkat menengah atas. Melalui membaca penerokaan terhadap dunia pengetahuan dan maklumat akan dapat dikembangkan dengan lebih baik dan teratur.

Islam sendiri amat menggalakkan umatnya mendalamai ilmu pengetahuan melalui kemahiran membaca. Isyarat ini dapat dilihat pada wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W yang meminta baginda membaca sedangkan baginda seorang yang *ummi* (buta huruf). Setelah dipaksa beberapa kali oleh

Jibrail A.S. barulah Nabi membacanya. Wahyu ini dirakamkan dalam al-Quran dalam surah al-‘Alaq ayat 1 hingga 5 yang bermaksud :

“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; Bacalah, dan Tuhanmu yang amat Pemurah, - yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan,- Ia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya.” (Syeikh Abdullah, 1983: 1412)

Dari aspek aplikasinya kita dapat melihat bagaimana Rasulullah S.A.W. begitu prihatin dengan pencarian ilmu dan memmuridi alat untuk memperoleh ilmu pengetahuan dalam kalangan umatnya. Sebagai contoh selain mewajibkan umat Islam sentiasa menuntut ilmu, dapat dilihat tindakan Rasulullah S.A.W. meminta setiap tawanan perang tentera musuh yang pandai menulis dan membaca agar mengajar sepuluh orang anak orang Islam kemahiran tersebut sebagai salah satu cara untuk mendapatkan pembebasan (Mubārakfūrī, 1987). Selain itu Rasulullah S.A.W. juga menggalakkan umatnya menguasai bahasa asing agar umat Islam tidak ditipu oleh propaganda musuhnya (Saqr, 1996).

Tamadun Islam telah membuktikan melalui benih-benih yang dipupuk oleh Rasulullah S.A.W. melalui kemahiran menulis dan membaca serta penguasaan bahasa asing. Galakan ini membawa umat Islam ke puncak kegemilangan sehingga melahirkan ramai cendekiawan Islam yang terbilang dalam beberapa kurun hingga ia menerajui dunia ilmu serta mempelopori banyak bidang ilmu sama ada berkaitan bidang sains sosial mahupun bidang sains tulen dan perubatan (Amīn, t.th.).

Dunia moden sekarang juga telah memperakui peri penting kemahiran membaca ini dikuasai malah ia perlu dijadikan amalan kegemaran masyarakat. Masyarakat akan terdidik, bermaklumat dan berilmu apabila mereka gemar membaca. Ini biasanya menjadi amalan dan salah satu identiti masyarakat yang maju. Tahap

pengetahuan masyarakat akan lebih luas dan pelbagai apabila mereka dapat membaca daripada sumber berbagai-bagai bahasa.

1.2.2 Buku Teks dalam Pembelajaran Bahasa

Dunia pendidikan sekarang mengalami perkembangan yang pesat dalam usaha membangunkan manusia dalam pelbagai aspek. Segala bentuk aktiviti pembelajaran yang hendak diterap memerlukan pengetahuan dan maklumat sama ada yang lama mahupun yang terkini. Pelbagai sumber digunakan untuk menyampaikan pengetahuan dan maklumat kepada murid. Apatah lagi pada era dunia maklumat tanpa sempadan berbagai-bagai kaedah dan cara telah diterokai khususnya dalam bidang teknologi maklumat. Namun secanggih mana dunia teknologi elektronik yang dicapai sekarang digunakan untuk menyebarkan maklumat, penggunaan alat tradisional dalam penyebaran ilmu dan maklumat masih mendominasi dunia pendidikan dan penyebaran ilmu.

Buku merupakan antara sumber maklumat terpenting yang masih dominan penggunaannya berbanding bahan-bahan yang lain. Dalam dunia pendidikan ia masih merupakan sumber utama yang digunakan dalam aktiviti pembelajaran. Di Malaysia penggunaan buku teks dalam sistem pendidikan masih merupakan bahan dasar dalam pembelajaran sama ada pada peringkat prasekolah, sekolah rendah ataupun sekolah menengah dalam kebanyakan bidang. Ia juga masih dijadikan bahan pembelajaran dasar dalam kebanyakan bidang pada peringkat pengajian tinggi.

Dalam konteks pendidikan bahasa sama ada bahasa ibunda ataupun bahasa asing, pembelajarannya didorong oleh tujuan yang pelbagai. Tujuan dan objektif

pembelajarannya bergantung kepada keperluan sesuatu bahasa kedua atau asing itu dipelajari (Nuttall, 1985). Bagi mencapai objektif pembelajarannya, bahan-bahan yang digunakan perlulah bersesuaian dan menepati keperluan pembelajarannya. Bahan-bahan pembelajarannya penting diberi perhatian agar ia dapat menarik minat serta dapat memberi motivasi kepada murid untuk menggunakannya.

Buku teks merupakan antara bahan pembelajaran terpenting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (p & p). Ia perlulah sesuai dengan tahap kebolehan membaca murid serta boleh menarik minat dan motivasi murid untuk menggunakannya (Marohaini, 1999; Williams, Leung, Kent & Heazlewood, 2002) serta meningkatkan kemahiran membaca murid terhadap bahasa asing yang dipelajarinya (Nuttall, 1985). Hal ini perlu bagi memastikan proses pembelajaran khususnya bahasa asing atau bahasa kedua tidak terhenti di dalam bilik darjah sahaja bahkan berlarutan hingga ke luar bilik darjah. Oleh itu tahap kebolehbacaan buku teks yang digunakan perlulah sesuai dengan kebolehan membaca dan pengetahuan lepas murid serta persempahan kandungannya boleh menarik minat dan motivasi murid (Klare, 1969).

Bukan sahaja dalam konteks pembelajaran bahasa malah dalam apa bidang sekalipun, buku teks yang sesuai diperlukan khususnya bagi kegunaan murid peringkat menengah tinggi yang perlu dipupuk kemahiran pembelajaran kendiri melalui kemahiran membaca dalam membuat rujukan serta mengumpul dan menyaring maklumat.

1.2.3 Kurikulum Bahasa Arab dan Bahasa Arab Tinggi

Pendidikan bahasa Arab di Malaysia telah mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Ia juga diberikan perhatian oleh pihak kerajaan memandangkan hubung kaitnya dengan masyarakat Melayu, Islam dan al-Quran. Di sekolah terdapat tiga bentuk kurikulum yang dominan, iaitu Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi peringkat (BAK) dan Kurikulum Bahasa Arab Tinggi (BAT) yang merupakan kurikulum yang digubal dan ditawarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui Unit Bahasa Arab, Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral (JAPIM). Manakala kurikulum Bahasa Arab al-Azhar yang digubal oleh panel buku teks Universiti al-Azhar untuk peringkat menengah di Mesir telah digunakan oleh kebanyakan sekolah menengah kelolaan kerajaan negeri atau swasta (Kamarulzaman & Nik Mohd. Rahimi, 2004). Terdapat juga kurikulum yang berasaskan kepada penggunaan kitab-kitab tradisional klasik yang biasa digunakan di pusat-pusat pengajian pondok (Kamilah, 2000). Walau apapun bentuk kurikulum yang ditawarkan, kesemua institusi tersebut masih bergantung kepada buku teks dalam pembelajarannya. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Bahagian Kurikulum JAPIM (2003) bahawa buku teks BAK dan BAT adalah antara bahan pengajaran dan pembelajaran (P & P) yang paling dominan digunakan di dalam bilik darjah. Ia merupakan buku khusus yang digunakan untuk menyampaikan pelbagai pengetahuan dan kemahiran bahasa Arab.

KPM semenjak tahun 1977 memperkenalkan mata pelajaran Bahasa Arab di sekolah-sekolah kendaliannya, khususnya di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Namun tidak ada buku teks tertentu yang diperakukan secara muktamad, hanya berpandukan prosedur peperiksaan mata pelajaran yang sedia ada di Lembaga

Peperiksaan Malaysia (LPM). Bermula dari situasi ini Bahagian Pendidikan Islam (BPI) mula menyediakan kurikulum dan sukanan pelajaran Bahasa Arab, seterusnya pada tahun 1980 bahan pengajaran Bahasa Arab berjaya diterbitkan (Bahagian Pendidikan Islam, 1993). Pada peringkat awal kurikulum yang digunakan mengutamakan tata bahasa berbanding kemahiran-kemahiran bahasa yang lain. Pada tahun 1980 usaha ke arah perubahan pendekatan pembelajaran Bahasa Arab berdasarkan komunikatif mula berputik. Pada tahun 1981 pihak Bahagian Pendidikan Islam menyediakan dua sukanan pelajaran Bahasa Arab, iaitu satu digunakan di SMKA dan satu lagi digunakan di Sekolah Berasrama Penuh (SBP). Buku teks yang digunakan antara tahun 1981 hingga 1989 adalah buku *al-Lughah al-'Arabiyyah* untuk peringkat tingkatan satu hingga lima. Kemudian setelah disemak buku *Jadid fī al-Lughah al-'Arabiyyah* pula digunakan.

Pada tahun 1988 KPM menawarkan mata pelajaran ini di sekolah-sekolah menengah harian dengan pembukaan Kelas Aliran Agama (CAA). Apabila Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dilaksanakan, Kurikulum Bahasa Arab digubal semula. Dengan kerjasama *The Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization* (ISESCO), BPI berusaha menerbitkan buku teks yang lebih memenuhi keperluan pendekatan komunikasi. Oleh itu pada pertengahan tahun 1989 buku *al-'Arabiyyah* diterbitkan serta digunakan secara rasmi untuk tingkatan satu hingga tiga. Sukanan Pelajaran Bahasa Arab yang baru ini dilaksanakan di SMKA, SBP dan juga CAA pada tahun 1991. Buku ini mula digunakan pula untuk tingkatan empat dan lima pada tahun 1994. Pada peringkat awal mata pelajaran ini kekal dengan nama Bahasa Arab sehinggalah pada 12 Jun 1991 Jawatankuasa Kurilukum Pusat (JKP) memutuskan nama mata pelajaran ini ditukar kepada Bahasa Arab Komunikasi. Mulai tahun 1996 buku teks yang sedia ada disemak dan disusun semula dan kemudiannya buku yang lebih

menepati pendekatan komunikasi telah dihasilkan dan dinamakan *al-Lughah al-'Arabiyyah al-'Ittiṣāliyyah* (Bahagian Pendidikan Islam, 1993).

Di samping itu JKP juga telah meluluskan mata pelajaran baru, iaitu Bahasa Arab Tinggi (BAT) dan dilaksanakan pada tahun 1992. Semenjak BAT diperkenalkan ia telah mengalami dua kali penggubalan. Penggubalan pertama adalah pada tahun 1990 semasa ia hendak ditawar serta dilaksanakan pada tahun 1992, manakala kali kedua berlaku semakan dan penggubalan semula pada tahun 2000 dan dilaksanakan pada tahun 2003 (Bahagian Kurikulum JAPIM, 2003). BAT ditawarkan di peringkat menengah atas, iaitu kepada murid-murid tingkatan 4 dan 5 yang telah mengikuti mata muridan BAK pada peringkat menengah rendah. Tempoh penggunaannya dijangka berakhir pada tahun 2010 apabila kurikulum baru Bahasa Arab akan diperkenal dan ia terlebih dahulu akan mula diguna pakai pada peringkat menengah rendah pada tahun 2008 (Jawatankuasa Kurikulum Pusat, 2006) dengan nama cadangan Bahasa Arab T'ḍādiyyah (Bahagian Kurikulum JAPIM, 2005). Ini bererti buku teks BAT dijangka akan digantikan dengan buku teks bahasa Arab baru pada tahun 2011. Nama baru yang dicadangkan bagi subjek ini adalah Bahasa Arab Thānawiyyah (Bahagian Kurikulum JAPIM, 2005).

Mata muridan ini telah dikategorikan sebagai mata muridan elektif. Matlamat pembelajaran BAT ini telah dinyatakan dengan jelas dalam Sukatan Muridan (SP) (Edisi Semakan), iaitu (Bahagian Kurikulum JAPIM, 2003: 51):

Matlamat pengajian bahasa Arab di peringkat menengah atas memberi ruang untuk menghargai dan memartabatkan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran al-Karim dan bahasa ilmu untuk menguasai maklumat, kemahiran berbahasa untuk memahami teks dan bahan-bahan rujukan Arab dalam pelbagai situasi serta mampu menggunakan dengan tepat di samping memperluaskan pengetahuan dan menikmati keindahan berbahasa.

Selain itu digariskan juga dalam SP BAT, objektif BAT :

- 1- mendengar ayat-ayat al-Quran al-Karim dan al-Hadith al-Syarif terpilih serta memahami maknanya,
- 2- mendengar dan memahami dengan baik siaran dalam bahasa Arab,
- 3- menggunakan bahasa arab secara meluas dalam pelbagai bidang,
- 4- bertutur dalam bahasa Arab dengan meluas dalam semua situasi,
- 5- menguasai tatabahasa dan *al-balāghah* (retorika) yang mudah serta mampu menggunakankannya,
- 6- menikmati keindahan bahasa teks-teks kesusasteraan Arab,
- 7- menguasai sekurang-kurangnya 2000 patah perkataan baru Arab,
- 8- berupaya menggunakan pelbagai kamus dan sumber rujukan Arab, dan
- 9- membiasakan diri menggunakan teknologi maklumat terkini yang berkaitan dengan bahasa Arab.

Manakala kandungan SP BAT pula disediakan bagi dua tahun pengajian, iaitu tingkatan 4 dan 5, yang merangkumi :

- 1- kemahiran-kemahiran bahasa yang terdiri daripada kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis,
- 2- tata bahasa,
- 3- balaghah,
- 4- teks sastera,
- 5- kata-kata hikmat dan perumpamaan, dan
- 6- perbendaharaan kata.

Penggunaan buku teks merupakan bahan asas dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah di Malaysia. Ini dinyatakan dengan jelas oleh Bahagian Kurikulum, JAPIM (2001:13), iaitu :

*Buku teks BAK dan BAT adalah antara **bahan P & P yang paling dominan** dan sering digunakan sebagai sumber pemerolehan ilmu sejak sistem pendidikan formal bahasa Arab dijalankan di sekolah. Buku teks Bahasa Arab merupakan buku khusus yang digunakan untuk menyampaikan pelbagai pengetahuan dan kemahiran bahasa Arab.*

Berdasarkan matlamat dan objektif BAT yang telah digariskan oleh Bahagian Kurikulum JAPIM di atas serta status buku teks BAT dalam proses p & p murid, jelaslah bahawa buku teks mempunyai fungsi yang sangat besar dalam pendidikan bahasa Arab di Malaysia. Ia seharusnya diberi perhatian yang serius dari aspek penyediaannya agar ia sesuai dengan matlamat dan objektif pembelajarannya serta berfungsi dengan berkesan.

1.3 Kemahiran Bahasa Arab dalam Kalangan Murid Di Malaysia

Setelah tiga dekad bahasa Arab diperkenalkan dalam sistem pendidikan kebangsaan, tahap kemahiran dan penguasaan bahasa ini masih menjadi perbincangan dan persoalan pelbagai pihak sama ada mereka yang terlibat pada peringkat persekolahan mahupun peringkat pengajian tinggi. Wan Abrisam (2002) yang memetik laporan prestasi PMR pada tahun 1995 dari Lembaga Peperiksaan Malaysia menyatakan bahawa pencapaian BAK pada keseluruhannya agak merosot jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya. Analisis keputusan PMR BAK bagi tiga tahun berturut-turut, iaitu 1997, 1998 dan 1999 jelas menunjukkan peratus murid yang memperoleh pencapaian lemah dan gagal adalah agak besar. Pada tahun 1997 misalnya, peratus murid yang

mendapat gred D dan E ialah sebanyak 36.3% (2031 orang). Kemudian pada tahun 1998, peratus tersebut menurun sedikit kepada 32.3% (2100 orang). Akan tetapi pada tahun 1999 ia meningkat kepada 33.6% (2498) (JAPIM, 2000).

Peratus murid yang berpencapaian lemah dan gagal agak tinggi jika diukur dengan tahap pencapaian mereka semasa dipilih memasuki SMKA, iaitu 5A atau sekurang-kurangnya 4A 1B dalam UPSR. Misnan (1999) dalam melaporkan dapatan kajiannya mendapati pencapaian BAK murid dalam PMR tidak memberangsangkan. Profil Responden yang diperoleh menunjukkan 66% murid memperoleh pencapaian sederhana, lemah dan gagal.

Sementara itu, keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2000 mencatatkan penurunan prestasi pada peringkat lulus sebanyak 5% dalam subjek BAK (88.1%) berbanding pencapaian pada tahun 1999 sebanyak 93.1% (KPM, 2000). Manakala pada tahun 2002, subjek BAT pula mengalami penurunan sebanyak 3% dalam prestasi kelulusan berbanding tahun 2001 (96.1%). Keputusan-keputusan ini membayangkan kelemahan murid secara amnya dalam penguasaan Bahasa Arab.

Masalah kelemahan bahasa Arab ini tidak terhenti pada peringkat persekolahan sahaja, malah ia boleh memberi kesan kepada pembelajaran pada peringkat pengajian tinggi. Pembelajaran yang melibatkan Pengajian Islam dan Bahasa Arab khususnya pada peringkat ini memerlukan tahap kemahiran dan penguasaan yang tinggi. Anwar (1993) menjelaskan penguasaan bahasa Arab murid pengajian Islam di pusat pengajian tinggi di Malaysia masih tidak memuaskan. Murid ini bukan sahaja tidak dapat menulis dan bercakap dalam bahasa Arab, tetapi kebolehan membaca dan memahaminya juga menimbulkan tanda tanya. Selain itu Hj Faisal (1993) pula menyatakan bahawa masalah besar yang dihadapi oleh Fakulti Pengajian Islam, UKM ialah penguasaan bahasa Arab

dalam kalangan muridnya. Ini menyebabkan objektif ideal fakulti tidak dapat dicapai kerana adanya hambatan penguasaan bahasa tersebut.

Dalam satu kajian tentang tahap pemerolehan perbendaharaan kata murid-murid Pengajian Islam yang baru diterima masuk mendapati mereka hanya mempunyai antara 500 hingga 1000 patah perkataan sahaja. Ia jauh dari jumlah yang perlu diperoleh pada peringkat persekolahan, iaitu antara 3000 hingga 5000 (Osman Khalid, 1993). Begitu juga Abdul Hamid dan Embong (1993) menjelaskan masalah Pendidikan Islam di KUSZA dan menempatkan masalah penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid sebagai masalah yang utama. Terdapat beberapa lagi kajian yang menunjukkan masalah kelemahan murid dalam penguasaan bahasa ini antaranya Soheir (1990), Rusniza (1998), Dahab (1999) dan lain-lain lagi.

Berdasarkan kajian-kajian lepas (Zawawi, 2001; Kamarulzaman & Nik Mohd. Rahimi, 2002; Nik Mohd. Rahimi, 2003; Mohd Zawawi, 2004) kelemahan bahasa ini dapat dilihat meliputi keempat-empat kemahiran bahasa, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Pelbagai faktor telah cuba dikaji oleh para sarjana dalam mengenal pasti punca kelemahan-kelemahan tersebut. Antara kajian tersebut, Che' Pee (1991) mendapati antara masalah yang dihadapi oleh murid ialah kurang perbendaharaan kata dan tidak dapat membuat struktur ayat dengan baik. Menurut Wan Abrisam (2002) dan Salma Endut (2003) kemerosotan yang ketara berlaku pada soalan karangan.

Laporan prestasi BAK PMR 2002 (KPM, 2002) tahap penulisan karangan calon adalah pada tahap sederhana. Manakala Ishak Rejab (1993a dlm Mustafa Dolah, 1994) menyatakan murid-murid kurang menggunakan kamus. Hal ini diperkuuh dengan kajian Syakirah (2004) yang mendapati tahap penggunaan kamus dalam kalangan

murid di SMKA adalah sederhana. Selain itu Mowaffak, Raja Mohd. Fauzi dan Mohd. Amin (1999) mendapati tahap kebolehan dan kefahaman membaca dalam kalangan sekolah agama di Negeri Sembilan berada pada tahap lemah. Kamarulzaman dan Nik Mohd. Rahimi (2002) pula mendapati tahap kefahaman bacaan dalam kalangan murid di Kelantan berada pada tahap sederhana, manakala Hasmidar (2000) dalam kajian mengenai kemahiran yang sama di SMAP Kajang mendapati pada tahap lemah.

Berbagai-bagai bentuk dan aspek kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan pendidikan bahasa Arab, antaranya seperti kajian berkaitan pendekatan dan kaedah pengajaran (Abdul Razak, 2004; Ahmad Najdi, 2001; Hj. Maimun, 1997; Jefridin Pilus, 2002; Razali Mustaffar 2003), analisis kesilapan (Ab. Halim, 2002; Jassem, 1999; Mūhammad. Bakhīt, 1998), analisis nilai dalam buku teks (Abu Shariah, 2001), faktor yang mempengaruhi pencapaian (Ainon, 2004; Hawatemeh, 2000; Mohd. Sufian, 2005; Roslida, 2002) minat dan persepsi murid terhadap bahasa Arab (Hasdan, 2004; Mohd. Azrein 2006), penggunaan ICT dan komputer (Rofishah, 2005) dan sebagainya. Namun pengkaji mendapati masih kurang kajian yang difokuskan kepada buku teks bahasa Arab di Malaysia yang amat penting diberi perhatian berdasarkan peranan dan statusnya dalam sistem pendidikan khususnya pendidikan Bahasa Arab.

1.4 Pernyataan Masalah

Dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia, buku teks adalah sumber utama guru dan murid. Ini bermakna ia merupakan salah satu faktor penting yang berperanan dalam menentukan tahap penguasaan dan pencapaian bahasa Arab dalam kalangan

murid yang mempelajarinya selain faktor-faktor lain seperti guru, persekitaran dan murid sendiri (Ainon, 2004).

Isu keupayaan dan kemahiran bahasa murid yang dinyatakan di atas telah cuba dikupas oleh para sarjana. Ishak (1993b) membangkitkan antara punca permasalahan P & P bahasa Arab di Malaysia adalah penggunaan buku teks yang kurang sesuai. Abdul Halim (2003) pula menimbulkan persoalan sejauh mana buku-buku teks bahasa Arab yang digunakan di Malaysia digubal berpandukan kepada kriteria-kriteria pembinaan sebuah buku teks bahasa Arab sebagai bahasa asing atau kedua yang telah digariskan oleh pakar. Abdul Halim (2002) mendapati 78.5% responden guru menyatakan buku teks nahu kurikulum al-Azhar yang digunakan tidak atau kurang sesuai.

Manakala dalam kajian Ainon (2004) terhadap faktor-faktor pembelajaran yang mempengaruhi pencapaian murid dalam BAK, mendapati faktor buku teks adalah antara yang menunjukkan hubungan yang tidak signifikan. Ainon juga menegaskan pencapaian murid banyak dihubungkaitkan dengan kecenderungan murid merujuk kepada guru. Manakala buku teks yang digunakan meliputi kandungan, bahasa dan keadaan fizikalnya tidak mempunyai hubungan dan sumbangan terhadap pencapaian murid. Berdasarkan skala Likert 5 mata, kajian beliau menunjukkan keseluruhan min faktor buku teks berada pada tahap sederhana. Antara item yang menunjukkan min yang sederhana adalah pernyataan "bahasa yang digunakan dalam buku teks bahasa Arab senang difahami (2.833)", "buku teks bahasa Arab boleh dibaca sendiri tanpa bimbingan guru bahasa Arab (2.283)", "buku teks yang sedang digunakan sangat baik dan tidak perlu ditulis semula (2.333)" dan "buku teks bahasa Arab sangat membantu saya meningkatkan pencapaian saya dalam pembelajaran bahasa Arab (2.867)".

Kajian ini menunjukkan satu kecenderungan terhadap penggunaan buku teks yang sederhana dalam pengajaran dan pembelajaran. Masalah ini juga pernah dinyatakan oleh Hawateme (2000) yang mendapati penggunaan buku-buku bacaan bahasa Arab tambahan yang dibekalkan di pusat-pusat sumber sekolah dalam kalangan murid adalah kurang kerana buku yang disediakan tidak memenuhi minat dan keperluan murid. Selain itu didapati juga pencapaian murid dalam peperiksaan lebih bergantung kepada guru, buku rujukan menjawab soalan peperiksaan serta hafalan (Misnan, 1999; Wan Roslan, 2004).

Antara faktor permasalahan pembelajaran bahasa Arab berdasarkan kajian-kajian lepas adalah buku teks yang dibekalkan tidak digunakan secara berkesan dan optimum, atau interaksi antara murid dengan buku teks tidak berlaku dengan baik. Sedangkan ia merupakan bahan yang terpenting dalam pembelajaran bahasa Arab. Penggunaannya lebih kritikal pada peringkat menengah atas di mana murid perlu mencapai tahap penguasaan bahasa pada tahap yang lebih tinggi.

Bahagian Kurikulum JAPIM menyatakan antara matlamat dan objektif pembelajaran BAT pada peringkat menengah atas khususnya adalah supaya murid dapat berinteraksi dengan teks-teks berbahasa Arab khususnya al-Quran, sunnah, buku-buku rujukan serta bahan-bahan bacaan lain dengan baik. Tahap perbendaharaan kata, kebolehan membaca dan memahami teks serta menulis dalam bahasa Arab tidak akan berlaku dengan baik sekiranya murid kurang berinteraksi dengan bahan-bahan bacaan berbahasa Arab.

Memandangkan tidak ada rujukan khusus dan bahan asas lain (Bahagian Kurikulum JAPIM, 2003) selain buku teks dalam pembelajaran bahasa Arab, maka ia seharusnya memainkan peranan penting dalam mengembangkan penguasaan bahasa

murid khususnya dalam perbendaharaan kata, kefahaman bacaan dan penulisan. Menurut Coleman (1962) jika sesebuah buku yang dibaca dapat difahami dengan baik oleh pembaca ia merupakan alat pengajaran yang paling berkesan. Jelas beliau lagi apabila murid diajar tentang kemahiran membaca kemudian dibantu pula dengan penyediaan bahan bacaan yang sesuai dengan kebolehan membaca mereka, maka ia telah berjaya menolong menyelesaikan sebahagian daripada masalah bacaan yang mereka hadapi. Ia perlulah bersifat mesra murid, sesuai dengan tahap murid sama ada dari sudut kandungan dan laras bahasa, menarik minat serta boleh memberi motivasi (Day, 1994; Dubay, 2002; Jones, 1993; Kitao, 1994; Soyibo & McKenzie-Briscoe, 1998; Williams et.al., 2002).

Oleh itu usaha untuk menilai sesebuah buku teks yang digunakan merupakan suatu yang perlu dilakukan bagi mengenal pasti tahap kesesuaian dan kesukarannya kepada murid sasaran. Kajian yang dikenali sebagai kebolehbacaan adalah popular dalam kalangan penyelidik dan pendidik barat khususnya bagi teks-teks yang berbahasa Inggeris. Namun menurut Fry (2002) prosedur menentukan kesukaran teks bacaan yang biasanya menggunakan formula kebolehbacaan mempunyai batasan tertentu. Sekiranya penilaian kebolehbacaan yang dilakukan hanya bergantung kepada formula-formula, gambaran sebenar kesukaran sesebuah bahan bacaan diperoleh hanya dari satu aspek sahaja. Beberapa faktor penting lain tidak dapat diukur melaluiinya seperti motivasi, kesesuaian kandungan dan format teks serta interaksi pembaca-teks (Dzaldov & Peterson, 2005).

Kebanyakan penilaian kebolehbacaan banyak tertumpu kepada aspek linguistik dalam teks seperti aspek perkataan dan ayat melalui formula-formula yang dibina (Gunning, 2002), manakala kajian penentuan tahap (*leveling*) sesebuah bahan bacaan

menumpukan kepada aspek-aspek sokongan kepada ukuran kebolehbacaan seperti jangkaan bahasa, format teks dan kandungan serta pengetahuan sedia ada, motivasi dan sebagainya (Dzaldov & Peterson, 2005). Justeru selain aspek dan kriteria linguistik dalam teks yang perlu diambil kira khususnya dalam pembinaan formula, kriteria melibatkan faktor sokongan yang subjektif juga perlu diberi perhatian.

Oleh itu gabungan penilaian objektif yang berasaskan formula kebolehbacaan dan subjektif melalui kriteria penentuan tahap kebolehbacaan harus dilakukan bagi menilai kesukaran dan kesesuaian sesebuah bahan bacaan agar penilaian kebolehbacaan sesebuah bahan bacaan diperoleh dari pelbagai sudut dan aspek serta saling melengkapi (Agnihotri & Khanna, 1991; Chall & Dale, 1995; Fry, 2002; Gunning, 1998; Weaver, 2000).

Walaupun telah banyak kaedah dan kriteria untuk menilai kebolehbacaan dan penentuan tahap sesebuah buku teks diperkenalkan (Fry, 2002; Rog & Burton, 2002), namun kebanyakannya dibina dalam konteks teks bacaan dalam bahasa Inggeris. Dalam konteks teks bahasa Arab sama ada sebagai bahasa ibunda mahupun bahasa kedua atau bahasa asing, kajian berkaitan kebolehbacaan amatlah kurang. Kebanyakan formula yang dibina berasaskan ciri-ciri linguistik bahasa Inggeris yang mempunyai kelainan dengan rumpun bahasa lain seperti bahasa Arab dan Melayu, malah ia dianalisis berdasarkan penutur ibunda. Justeru ia kurang sesuai untuk diaplikasi ke dalam bahasa lain secara langsung (Khadijah Rohani, 1987 & 2006).

Bagi menilai kebolehbacaan buku teks bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau asing belum terdapat satu usaha yang dilakukan bagi membina kriteria kebolehbacaannya, khususnya dalam konteks bahasa Arab di Malaysia yang mempunyai latar belakang pembelajaran yang tersendiri seperti budaya, bahasa, agama, adat dan sebagainya. Kriteria-kriteria linguistik, kandungan, format dan motivasi telah

banyak dibincangkan bagi bahan dalam bahasa Inggeris namun dalam konteks penilaian teks bacaan bahasa Arab sebagai bahasa asing di Malaysia ia adalah amat kurang. Malah kriteria linguistik yang menjadi asas penilaian kebolehbacaan teks bacaan bagi bahasa Arab belum kedapatan. Menurut Toiemah (1984, 2006) usaha membina kriteria kebolehbacaan bagi teks Arab kegunaan bukan penutur Arab yang lebih jelas dan konkret perlu dilakukan merangkumi kriteria pada teks dan juga pembaca. Sehubungan itu didapati penggubalan buku teks bahasa Arab di Malaysia yang telah dilakukan sebelum ini tidak berdasarkan penilaian yang objektif terhadap buku teks yang terdahulu malah kriteria yang digariskan bagi menggubal buku teks yang baru juga kurang jelas ciri dan ukurannya.

Dalam menggubal semula buku teks BAT sekarang yang dilakukan pada tahun 2000 (Bahagian Kurikulum JAPIM, 2003), Bahagian Buku Teks KPM telah mengeluarkan buku panduan umum penulisan buku teks bahasa Arab bagi pembelajaran peringkat menengah. Ciri-ciri asas yang telah digariskan dalam penulisan buku teks ini merangkumi (Bahagian Buku Teks KPM, 2002): (a) kandungan, (b) bahasa dan istilah, (c) persembahan bahan, (d) aktiviti dan latihan, dan (e) bahan grafik.

Setiap ciri asas tersebut dinyatakan kriteria-kriteria yang perlu dipenuhi. Namun sebahagian besar kriteria yang dinyatakan itu agak umum serta kurang jelas untuk dipraktikkan. Pelaksanaannya bergantung kepada andaian dan budi bicara penulis dan penilai. Sebagai contoh dalam aspek kandungan dinyatakan skop dan kedalaman isi muridan hendaklah sesuai mengikut kandungan SP dan HSP BAT dengan mengambil kira peringkat, kebolehan, minat, keupayaan dan latar belakang murid. Dalam aspek bahasa dan istilah pula ada menyebut bahasa yang digunakan hendaklah mudah, jelas, sesuai dengan peringkat murid dan gaya penulisan mestilah hidup untuk menarik

minat murid supaya suka membaca. Manakala bagi aspek persembahan bahan disebut tajuk untuk pelajaran, aktiviti, latihan dan semua aspek yang diperkenalkan hendaklah menarik minat murid serta dihubungkaitkan dengan pengalaman dan latar belakang murid.

Pernyataan yang diberi tidak dinyatakan secara jelas bagaimana bentuk, cara, skala, tahap dan seumpamanya yang dijadikan ukuran dalam menentukan piawai setiap ciri yang digariskan. Menurut Klare (1969) seharusnya piawaian dalam penulisan buku teks mengambil kira ukuran yang lebih jelas terhadap latar belakang bahasa dan pengetahuan, motivasi, tahap kebolehan membaca dan kefahaman murid serta bentuk dan ciri bahasa yang digunakan.

Khadijah Rohani (1987) menyatakan usaha untuk mencari tahap kebolehbacaan bahan-bahan bacaan di sekolah-sekolah Malaysia semata-mata bergantung kepada tekaan dan budi bicara guru sahaja. Cara ini adalah terlalu subjektif kerana ia bergantung kepada selera dan cita rasa seseorang. Justeru beliau menyarankan perlu dicari satu cara penilaian yang lebih objektif dan boleh dipercayai.

Oleh itu penilaian kebolehbacaan bahan bacaan buku teks BAT adalah perlu bagi menentukan aras kesesuaian dan kesukarannya kepada pembaca sasaran serta mengenal pasti ciri-ciri kekuatan dan kelemahan padanya. Hal ini kerana ia merupakan bahan utama yang wajib diikuti oleh mana-mana murid yang mengambil subjek bahasa Arab dalam sistem pendidikan kebangsaan peringkat menengah atas. Namun persoalan yang timbul untuk menilai buku teks BAT yang ada adalah bagaimakah kriteria kebolehbacaan yang sesuai untuk digunakan bagi menilai kebolehbacaan buku teks BAT secara menyeluruh dengan melibatkan teks bacaan dan pembaca, serta

sejauhmanakah kebolehbacaan buku teks BAT sekarang serta hubungannya dengan kriteria kebolehbacaan yang dibina.

1.5 Tujuan dan Objektif Kajian

Tujuan utama kajian kebolehbacaan sesuatu buku teks adalah untuk menilai tahap kesukaran buku teks tersebut untuk dibaca dan difahami serta untuk mengenal pasti aras kesesuaian buku teks itu dengan pembaca yang disasarkan berdasarkan kriteria kebolehbacaan teks yang ditentukan. Justeru kajian ini bertujuan untuk membina kriteria kebolehbacaan buku teks bahasa Arab peringkat menengah atas serta menilai kebolehbacaan buku teks BAT yang digunakan pada peringkat tersebut khususnya tingkatan empat di sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA).

Selain itu kajian ini juga ingin mengenal pasti sejauhmana hubungan kriteria-kriteria linguistik dalam teks yang dikaji dan kriteria-kriteria dalam faktor-faktor sokongan teks melibatkan kandungan, format dan diri pembaca seperti kebolehan berbahasa, motivasi serta pengetahuan lepas berkaitan topik teks. Oleh itu objektif kajian ini adalah untuk:

- 1- Meninjau kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat dari aspek:
 - a) Linguistik dalam teks-teks bacaan,
 - b) Persembahan teknikal.
- 2- Mengenal pasti tahap motivasi murid terhadap bahan bacaan bahasa Arab.
- 3- Menilai kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat.

- 4- Mengenal pasti hubungan antara motivasi, pencapaian bahasa dan pengetahuan sedia ada murid berkaitan topik teks bacaan dengan kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat.

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan tujuan dan objektif kajian di atas, kajian ini cuba menjawab beberapa persoalan, iaitu:

- 1- Apakah kriteria linguistik dalam teks bacaan digunakan bagi tujuan menilai kebolehbacaan buku teks BAT?
- 2- Apakah kriteria persempahan teknikal bagi menilai kebolehbacaan buku teks BAT?
- 3- Apakah tahap motivasi murid terhadap bahan bacaan bahasa Arab?
- 4- Apakah tahap kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat?
- 5- Sejauh manakah hubungan antara motivasi dengan kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat?
- 6- Sejauh manakah hubungan antara pencapaian bahasa Arab murid dengan kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat?
- 7- Sejauhmanakah hubungan antara pengetahuan sedia ada murid berkaitan topik teks bacaan dengan kebolehbacaan buku teks BAT Tingkatan Empat?

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan satu penerokaan awal terhadap kebolehbacaan bahan-bahan bacaan berbahasa Arab khususnya buku teks bahasa Arab yang digunakan di sekolah-sekolah Malaysia. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Klare (1969) kajian kebolehbacaan amat banyak diguna pakai dalam bidang pendidikan berbanding bidang lain. Pihak yang boleh mengambil manfaat adalah mereka yang terlibat dengan buku teks sama ada ahli akademik, penggubal, penulis, penerbit, guru dan pustakawan. Justeru kajian ini diharap menjadi pembuka jalan kepada kajian-kajian berkaitan dengan lebih meluas dan mendalam agar ia dapat memberi kesan yang baik ke arah penyediaan suasana dan bahan pembelajaran bahasa Arab yang lebih menarik, efektif dan menyeronokkan melalui bahan-bahan bacaan yang sesuai dengan keupayaan dan kecenderungan serta keperluan murid. Oleh itu secara langsung diharap kajian ini mempunyai kepentingan kepada beberapa pihak antaranya:

1.7.1 Ahli Akademik

Kajian ini diharap membuka ruang kepada para sarjana yang terlibat dengan pendidikan bahasa Arab sama ada pakar dalam bidang linguistik, kaedah pengajaran, kurikulum, pengukuran dan penilaian dan sebagainya untuk menjadi bahan wacana dan penyelidikan bagi memantapkan lagi prinsip-prinsip kebolehbacaan teks bacaan bahasa Arab sebagai bahasa kedua di Malaysia serta perlaksanaan dalam memilih dan menyediakan bahan-bahan bacaan yang baik untuk masyarakat Islam di Malaysia.

Seterusnya dapat memperbaik dan meningkat tahap literasi orang Islam berasaskan bahan-bahan bacaan berbahasa Arab.

1.7.2 Penggubal dan Para Penulis Buku Teks

Hasil dari kajian ini diharap akan memberikan gambaran serta indeks kebolehbacaan buku teks yang dikaji seterusnya boleh dijadikan garis panduan bagi penyediaan buku teks baru bahasa Arab. Justeru dalam konteks Malaysia, mereka yang bertanggungjawab dalam penyediaan buku teks seharusnya mengambil usaha yang lebih objektif dalam menghasilkan buku teks yang benar-benar berkualiti termasuk dari sudut kebolehbacaannya. Begitu juga para penulis yang dipilih atau dilantik amat perlu mengambil kira faktor-faktor kebolehbacaan sesebuah buku teks yang digariskan oleh pihak berwajib.

1.7.3 Para Guru

Guru-guru yang terlibat dengan pengajaran bahasa Arab seharusnya mempunyai pengetahuan berkaitan kebolehbacaan. Khususnya apabila mereka perlu mencari dan menyediakan bahan-bahan bacaan tambahan selain buku teks dalam aktiviti-aktiviti pengayaan kemahiran bahasa khususnya membaca. Bagi memastikan bahan yang disediakan untuk murid sesuai dengan tahap murid, penentuan kebolehbacaan perlu dilakukan. Oleh itu kaedah yang disarankan juga boleh digunakan oleh pihak guru terbabit untuk tujuan tersebut.

1.7.4 Para Pustakawan

Para pustakawan merupakan antara pihak yang amat perlu tahu tentang kebolehbacaan dan kaedah menentu dan mengukur kebolehbacaan sesebuah bahan bacaan. Sama ada pustakawan itu bertugas di perpustakaan awam, institusi pengajian tinggi, sekolah dan sebagainya, penggunaan formula kebolehbacaan adalah perlu bagi menentukan serta mengkategorikan bahan-bahan bacaan yang ada berdasarkan tahap kebolehbacaannya serta kesesuaiannya dengan pembaca. Keperluan ini melibatkan semua jenis bahasa sama ada bahan bacaan itu dalam bahasa Melayu, Inggeris, Arab atau lain-lain lagi.

1.7.5 Para Penerbit

Bagi penerbit yang berminat dengan penyediaan buku-buku bacaan berteraskan bahasa Arab seharusnya juga mengambil berat tentang kebolehbacaan sesebuah bahan bacaan yang hendak dicetak serta diedarkan. Ia lebih diperlukan apabila buku-buku yang hendak dibekalkan adalah untuk kegunaan murid-murid sekolah serta juga pusat-pusat pengajian tinggi. Melalui kaedah penentuan kebolehbacaan ini diharap bahan-bahan yang dibekalkan benar-benar sesuai dengan murid yang disasarkan serta memberi manfaat bagi meningkat keupayaan membaca serta menarik minat mereka.

1.8 Batasan Kajian

Sebagaimana dinyatakan dalam objektif, tujuan kajian ini adalah untuk menilai kebolehbacaan buku teks BAT berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Justeru dalam

usaha untuk mencapai tujuan kajian tersebut terdapat beberapa batasan yang terpaksa dihadapi disebabkan oleh faktor masa, kos dan tenaga. Berdasarkan faktor-faktor tersebut batasan-batasan kajian ini adalah seperti berikut:

Pertama, kajian ini adalah satu usaha untuk membina kriteria kebolehbacaan buku teks bahasa Arab sebagai bahasa asing serta menilai kebolehbacaannya melalui kriteria tersebut. Ia bukanlah satu kajian bagi menujuhkan satu formula kebolehbacaan teks bahasa Arab. Selain itu batasan yang dihadapi adalah alat ukur yang boleh digunakan adalah terhad. Alat yang dipilih adalah yang telah dikenalpasti mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan bagi teks berbahasa Arab serta disarankan sesuai untuk tujuan tersebut.

Kedua, responden guru yang terlibat hanya melibat mereka yang mengajar subjek BAT Tingkatan Empat di SMKA di Semenanjung Malaysia. Guru bahasa Arab yang tidak mengajar subjek ini tidak terlibat kerana responden perlu memberi penilaian berdasarkan pengalaman mereka menggunakan buku teks BAT Tingkatan Empat dan tahap penerimaan murid terhadap buku tersebut.

Ketiga, kajian ini dilakukan hanya ke atas buku teks BAT Tingkatan Empat sahaja. Ia tidak melibatkan buku teks BAT Tingkatan Lima atau buku teks BAK untuk menengah atas serta bahan-bahan bacaan bahasa Arab tambahan yang lain. Ini disebabkan penggunaan sampel dari buku teks BAT Tingkatan Lima pula akan melibatkan murid yang agak sukar untuk mendapat kebenaran dari pihak pengurusan dan pentadbir, manakala buku teks BAK kurang diguna pakai atau dipelajari.

Keempat, murid yang terlibat hanya murid tingkatan empat sahaja dan tidak melibatkan murid-murid tingkatan lain. Ini disebabkan kajian yang dibuat adalah kepada buku teks BAT Tingkatan Empat sahaja justeru sampel yang berkenaan adalah

murid-murid yang menggunakannya secara langsung dengan buku teks tersebut , iaitu murid-murid tingkatan empat.

Kelima, sekolah yang menjadi lokasi kajian hanya di SMKA sahaja. Sekolah-sekolah yang mempunyai aliran agama yang lain tidak dilibatkan seperti sekolah-sekolah berasrama penuh Islam, sekolah-sekolah menengah agama negeri dan rakyat, sekolah-sekolah menengah agama swasta dan sekolah-sekolah menengah kebangsaan yang terdapat kelas-kelas aliran agama. Lokasi ini dibatasi kerana faktor masa dan kos yang perlu diambil kira di samping setiap jenis sekolah tersebut mempunyai latar belakang kurikulum dan persekitaran pembelajaran yang tersendiri yang memerlukan skala dan skop kajian yang lebih besar.

1.9 Definisi Istilah

1.9.1 Kebolehbacaan

Kebolehbacaan adalah satu istilah yang diberikan kepada salah satu proses semasa membaca khususnya melibatkan bahan-bahan bacaan. Menurut Spache (1953: 30) dalam menjelaskan maksud kebolehbacaan menyebut "*The readability of materials, or in other words the degree of comprehensibility, must constantly be matched to the reading abilities of the child or adult for whom a book is apparently intended*".

Chall pula pada tahun 1958 (1974) menjelaskan kebolehbacaan adalah cubaan menerangkan ciri bahan bacaan yang dapat dibaca dengan senang, mempunyai tahap kefahaman yang tinggi, teknik penulisan yang baik dan terdapat densiti minat yang tinggi. Manakala pada tahun 1963, Klare (1969) menggunakan istilah kebolehbacaan

untuk menerangkan darjah senang atau sukar bahan yang dibaca dari aspek isi, penyusunan fizikal, keselesaan membaca disebabkan nilai minat yang tinggi, tahap kefahaman yang tinggi, dan gaya penulisan yang baik.

Penjelasan Chall dan Klare tadi telah memberikan gambaran terhadap skop perbincangan dan kajian berkaitan kebolehbacaan. Para sarjana yang datang kemudiannya tidak memberikan kelainan definisi dari apa yang diperkenalkan sebelumnya. Antaranya Huckin (1993) menyebut ia adalah kesan mudah baca sesebuah teks, daya tarikan dan kandungan bahan yang mudah untuk memahaminya. Manakala Yujing (2003: 2) menyatakan "*...the level of ease or difficulty with which text can be understood by a particular reader who is reading that text for a specific purpose.*"

Khadijah Rohani (1987) pula secara ringkas menyatakan ia adalah suatu usaha menyesuaikan dua perkara penting, iaitu pembaca dan bahan bacaan. Pikulski (2002) mendefinisikan kebolehbacaan sebagai suatu ukuran pada sesuatu bahan bacaan yang bersandarkan kepada banyak ciri dalam sesuatu teks dan banyak ciri dalam diri pembaca.

Daripada sorotan definisi-definisi di atas dapat disimpulkan skop kajiannya tertumpu pada fokus yang sama, iaitu untuk menilai tahap kesukaran sesuatu teks bacaan bagi menentukan kesesuaianya kepada pembaca sasaran dengan mengambil kira dua faktor, iaitu teks bacaan dan diri pembaca. Dalam kajian ini kebolehbacaan yang dimaksudkan adalah satu usaha menentukan tahap kesukaran buku teks BAT Tingkatan Empat dan kesesuaianya dengan pembaca sasaran dengan mengambil kira faktor teks dan faktor pembaca.

1.9.2 Buku Teks Bahasa Arab Tinggi

Buku teks BAT bermaksud buku rujukan utama dalam pembelajaran bahasa Arab peringkat pendidikan menengah atas bagi tingkatan empat dan lima dalam sistem pendidikan kebangsaan kelolaan KPM. Berdasarkan penjelasan Unit Bahasa Arab, Bahagian Kurikulum JAPIM (2002) buku teks BAT adalah antara bahan pembelajaran yang digunakan sebagai sumber pemerolehan ilmu dalam pendidikan formal bahasa Arab di sekolah, malah ia merupakan bahan dominan dalam pembelajaran bahasa Arab.

Selain itu dijelaskan juga buku teks yang digunakan disediakan dengan teliti agar semua objektif, kemahiran dan pengetahuan bahasa Arab dapat dicapai sebagaimana yang tersurat dalam sukanan pelajaran dan huraihan sukanan pelajaran. Selain itu perkara yang paling penting bagi buku teks BAT adalah menonjolkan penggunaan bahasa Arab yang semula jadi dan mudah sejajar dengan fungsi bahasa Arab sebagai alat perhubungan dan alat komunikasi antara Pencipta, manusia dan alam.

Dalam konteks kajian ini buku teks BAT ini adalah buku rujukan utama bagi subjek Bahasa Arab Tinggi yang digunakan untuk tingkatan empat di sekolah-sekolah menengah kebangsaan Agama (SMKA).

1.9.3 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama atau singkatannya SMKA merupakan salah satu sistem persekolahan peringkat pendidikan menengah dalam sistem pendidikan kebangsaan di bawah naungan Kementerian Pelajaran Malaysia yang dikendalikan oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral atau singkatannya JAPIM.

Penubuhannya bermula tahun 1977 dengan berorientasikan aliran agama dengan pengambilalihan sekolah 11 buah sekolah menengah agama negeri dan rakyat. Ia menawarkan pendidikan menengah bermula tingkatan satu hingga tingkatan enam atas dan mengikuti pembelajaran berdasarkan kurikulum yang disediakan oleh KPM. Kelainan sekolah ini adalah ia hanyalah menerima murid-murid beragama Islam serta menjadikan subjek pendidikan Islam dan bahasa Arab sebagai subjek wajib pada semua peringkat pembelajaran (JAPIM, t.th).

1.9.4 Murid Tingkatan Empat

Murid adalah seseorang yang sedang belajar sama ada yang mengikuti pembelajaran secara formal atau tidak formal. Dalam kajian ini murid yang dimaksudkan adalah mereka yang mengikuti pelajaran secara formal dan sistematik yang dikendalikan oleh satu organisasi pendidikan yang berwibawa, iaitu KPM. Manakala dalam konteks pendidikan di Malaysia tingkatan empat merupakan satu tahap pembelajaran peringkat menengah sejurus para murid melalui peringkat menengah rendah selama tiga tahun yang secara lazim bermula pada umur murid menjangkau 13 hingga 15 tahun. Tingkatan empat adalah permulaan bagi peringkat menengah atas serta lanjutan dari peringkat menengah rendah setelah mereka lulus peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang mana biasanya mereka berusia 16 tahun. Sehubungan itu, dalam kajian ini murid tingkatan empat adalah murid-murid yang lazimnya berusia 16 tahun yang sedang belajar pada peringkat tingkatan empat serta telah mempelajari mata pelajaran BAK dan mula mengikuti pelajaran BAT di sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama di Semenanjung Malaysia.

1.10 Rumusan

Melalui penjelasan dalam bab ini dapat dirumuskan bahawa bidang kajian kebolehbacaan bahan-bahan bacaan khususnya buku teks bahasa Arab adalah sesuatu yang baru di Malaysia. Namun sumbangan para sarjana sebelum ini dalam mengkaji berkaitan bahasa Arab dan pendidikannya telah banyak membantu ke arah memperbaiki status dan proses pembelajaran bahasa ini. Melalui kajian ini diharap dapat menambah serta menampung kekurangan-kekurangan yang masih banyak dalam memantap dan memperkasa pendidikan bahasa Arab di Malaysia. Semoga kajian ini dapat mencapai objektifnya serta memberi manfaat kepada dunia akademik dan perkembangan ilmu serta pihak-pihak yang prihatin dengan bahasa Arab dan pendidikannya di Malaysia.